



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 35 RABU 8 DISEMBER, 1965 1385 رابو 15 شعبان PERCHUMA

PERADUAN BACHAAN AL-KORAN KEJOHANAN SELUROH NEGERI BRUNEI:

D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN AKAN MENYAMPAIKAN HADIAH2

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin akan menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yng berjaya dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Kejohanan Seluroh Negeri Brunei dan Sijil kepada tiap2 orang peserta dalam peraduan itu pada malam 10 Disember, 1965.

Peraduan Bachaan Al-Koran itu akan di-adakan di-lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 9 dan 10 Disember, 1965.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara akan merasmikan pembukaan Peraduan Bachaan Al-Koran tersebut pada malam 9 Disember, 1965.

Seramai 20 orang peserta2 telah di-pilih untuk mewakili Daerah2 Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Kejohanan Seluroh Negeri Brunei pada tahun ini.

Peserta2 yang akan mewakili Daerah masing2 dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Kejohanan Seluroh Negeri Brunei ia-lah:—

DAERAH BRUNEI DAN MUARA
Bahagian Lelaki: Awang Abdullah bin Lakim, Awang Abdul Hamid bin Munap, Awang Abdul Wahab bin Besar dan Awang Abdul

Wahab bin Pehin Tuan Imam Haji Metassim.

Bahagian Perempuan: Dayang Aminah binte Siling, Dayang Hamdiah binte Awang Angkat, Dayang Kula binte Haji Idris dan Dayang Latifah binte Haji Ya'akub.

DAERAH BELAIT

Bahagian Lelaki: Awang Mukim bin Hassan dan Awang Arabaie bin Metali.

Bahagian Perempuan: Dayang Nur'aini binte Begawan Mudim Haji Adenan dan Dayang Aishah binte Begawan Mudim Haji Adenan.

DAERAH TUTONG

Bahagian Lelaki: Awang Johari bin Kamis dan Awang Mohamed Yusof bin Dollah.


Bahagian Perempuan: Dayang Rubiah binte Haji Jawi dan Dayang Mastura binte Abidin.

DAERAH TEMBURONG

Bahagian Lelaki: Awang Ahmad bin Iengah dan Awang Damit bin Ali Hassan.

Bahagian Perempuan: Dayangku Saicha binte Pengiran Abdul Rahman dan Dayang Aishah binte Hassan.

Sementara itu satu Majlis Jamuan Makan Bersirak akan di-adakan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada jam 5 petang hari Juma'at 10 Disember, 1965 bagi meraikan peserta2 dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Kejohanan Seluroh Negeri Brunei.



Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah membena sa-buah pentas khas di-atas ayer di-lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei untuk Peraduan Bachaan Al-Koran Kejohanan Seluroh Negeri Brunei bagi Tahun Hijrah 1385. Peraduan Bachaan Al-Koran tersebut akan di-adakan pada malam 9 dan 10 Disember, 1965. Gambar ini yang di-ambil oleh Ketua Jurugambar Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei, Awang Kamaluddin P.H.A. Bakar, pada petang hari Isnin yang lalu, menunjukkan pekerja2 sebak menyiapkan pembenaan pentas khas tersebut. Pada waktu malam di-adakan Peraduan Bachaan Al-Koran itu pentas khas ini dan kawasan di-keliling Masjid Omar Ali Saifuddin akan di-sinarkan dengan lampu elektrik yang berwarna-warni.

Kapal Pelantar 'Bruyard' Tenggelam Di-Laut 90 Batu Dari Philipina

—13 ORANG HILANG

SERIA. — Kapal pelantar "Bruyard" yang baru di-beli oleh Sharikat Minyak Shell berharga \$20 juta, telah terbelah dua dan tenggelam di-laut kira2 90 batu ka-barat daya pantai Philipina semasa dalam perjalanan di-tunda dari Negeri Jepun ka-Brunei, pada malam 1 Disember, 1965.

Seramai 13 orang telah tenggelam dan sa-orang sahaja terselamat. Orang yang terselamat itu ia-lah Awang Kipp McKeever dari South East Drilling Corporation.

Orang2 yang hilang semasa berlaku kemalangan tersebut ia-lah: Awang H. C. Fryer, Awang Thomas Paut dan Awang Mansor bin Kipli — semua-nya pekerja2 Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad; Awang R. D. Lighting dari Sharikat T. Clarkes, Awang Cheong Cheak, Awang Lee Siong dan Awang Wong Chong Ping dari Sharikat Yick Fatt; dua orang dari Sedco dan empat orang dari Wijsmuller.

Berhubung dengan kemalangan yang sedih itu, Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Dato Paduka Awang P. E. Thompson telah menghantarkan surat keliling kepada semua pekerja Sharikat Minyak Shell dan melalui akhbar Salam, ia-itu Akhbar Mingguan yang di-terbitkan oleh Sharikat Minyak Shell, menyatakan antara-nya bahawa beliau dengan amat dukachita mema'lonkan terhadap kemalangan yang berlaku itu.

TITAH UCHAPAN TA'ZIAH D.Y.M.M. KATAS MALAPETAKA "BRUYARD"

BANDAR BRUNEI. —

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah menyampaikan rasa dukachita Baginda dan titah ucapan ta'ziah Baginda kepada Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell, Dato Paduka P. E. Thompson terhadap malapetaka yang telah menimpa ka-atas tongkang pelantar BRUYARD yang telah tenggelam di-Laut Philipina dalam perjalanan di-tunda dari Negeri Jepun ka-Brunei.

Titah ucapan ta'ziah Baginda telah di-siarkan oleh RADIO BRUNEI pada malam 2 Disember, 1965.



SHARIKAT MINYAK SHELL MENGHADIAHKAN ALAT2 PEMBESAR SUARA KAPADA MASJID KAMPONG KASAT

KAMPONG KASAT. — Satu majlis untuk menyampaikan alat2 pembesar suara yang di-hadiahkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad kepada Masjid Kampong Kasat telah di-adakan di-Masjid Kampong Kasat pada hari Juma'at, 3 Disember, 1965.

Alat2 pembesar suara itu telah di-sampaikan oleh Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Dato Paduka P. A. Coates kepada Penghulu Kampong Kasat, Pengarah Haji Untong bin Judin di-Masjid Kampong Kasat pada pagi hari tersebut, dengan di-saksikan oleh ramai penduduk2 Kampong Kasat dan lain2-nya.

Turut hadir di-majlis itu ialah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin; Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin dan Ustadz Abdul Latiff bin Haji Hashim, sa-orang Pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Dato Paduka Coates berkata dalam ucapan beliau di-majlis tersebut bahawa Sharikat Minyak Shell berasa sukachita dan bangga menghadihkan alat2 pembesar suara kepada Masjid Kampong Kasat sa-bagaimana yang di-berikan kepada Masjid2 yang lain di-negeri ini.

Beliau berharap sa-moga alat2 pembesar suara yang di-hadiahkan itu akan di-gunakan oleh Masjid Kampong Kasat dan akan memberikan faedah kepada penduduk2 Kampong Kasat.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah menguchapkan sebanyak2 terima kaseh kepada Sharikat Minyak Shell yang telah menghadihkan alat2 pembesar suara kepada Masjid itu.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin menegaskan bahawa Sharikat Minyak Shell telah juga mengambil berat dalam hal ehwal pelajaran kanak2 di-Negeri Brunei dengan menghadihkan derma2 siswa kepada penuntut2 di-negeri ini.

Beliau telah menyeru kepada lain2 sharikat perdagangan di-negeri ini supaya meniru jejak langkah Sharikat Minyak Shell itu.

TERIMA KASEH

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah juga menguchapkan sebanyak2 terima kaseh dan penghargaan beliau terhadap jasa dan tenaga beberapa orang kakitangan Kerajaan yang tinggal di-Kampong Kasat dalam usaha mereka memberikan berbagai2 pertolongan untuk faedah penduduk2 Kampong Kasat.

Beliau juga telah menyeru kepada orang2 dewasa dan kanak2 di-Kampong Kasat supaya belajar dengan bersungguh2-nya pe-

lajaran Ugama Islam sambil menegaskan bahawa "Semangat Umat Islam di-Negeri Brunei dalam usaha bacahan Al-Koran pada masa ini amat-lah tinggi mutu-nya."

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, Abang Razali, Ustadz Abdul Latiff dan Pengarah akhbar ini telah berangkat ka-Kampong Kasat dengan menggunakan helikopter.

Dato Paduka P. A. Coates dan Penolong Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Awang Chua Kwong Heng pula telah tiba di-Kampong Kasat dengan menaiki perahu moto sangkut.

Ketibaan beliau2 tersebut telah di-sambut oleh penduduk2 Kampong Kasat dan lain2-nya dengan di-ketuai oleh Penghulu Kampong Kasat, Pengarah Haji Untong.

Majlis itu di-mulai dengan jamuan minuman bertempat di-Sekolah Melayu Kasat. Kemudian para hadirin, lelaki dan perempuan, telah berjalan ka-Masjid Kampong Kasat yang letaknya tidak jauh dari Sekolah Melayu Kasat.

Di-Masjid itu-lah telah di-adakan upacara menyampaikan alat2 pembesar suara yang di-hadiahkan oleh Sharikat Minyak Shell kepada Masjid Kampong Kasat.

BACHAAN AL-KORAN

Majlis itu di-mulai dengan bacahan Al-Koran oleh Guru Besar Sekolah Ugama Kampong Kasat, Chegu Sharif bin Sulaiman.

Kemudian ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Setia Usaha Pembinaan Masjid Kampong Kasat, Chegu Sharif bin Sulaiman dan oleh Pengerusi Pembinaan Masjid Kampong Kasat, Chegu Othman bin Pengarah Haji Untong, Guru Besar Sekolah Melayu Kasat.

Sa-lepas itu ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin; Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dan oleh Wakil Sha-

rikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Dato Paduka P. A. Coates.

Dato Paduka Coates kemudian-nya telah menyampaikan alat2 pembesar suara itu kepada Penghulu Kampong Kasat, Pengarah Haji Untong.

Satelah bergambar ramai dan di-turuti dengan jamuan makan tengah hari Dato Paduka Coates dan Awang Kong Heng pun balek ka-Bandar Brunei.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dan rombongan telah balek ka-Bandar Brunei dengan menggunakan helikopter sa-lepas menaikan fardhu Sembahyang Juma'at.

CHATETAN:

LAWATAN KALI KEDUA

Ini-lah kali yang kedua Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin; Abang Razali dan Pengarah akhbar ini berangkat ka-Kampong Kasat dengan menggunakan helikopter dalam masa dua bulan ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah berangkat ka-Kampong Kasat untuk merasmikan pembukaan Masjid Kampong Kasat pada 13 Oktober yang lalu.

Semasa lawatan tersebut Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah melafadzkan ucapan2, mengandungi nasehat2 yang berharga, bukan sahaja kepada penduduk2 lelaki bahkan juga kepada penduduk2 perempuan Kampong Kasat.

D. Y. M. M. Akan Berchemar Duli Ka-Majlis Menyampaikan Sijil M. P. M. B.

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin akan menyampaikan Sijil2 kepada seramai 50 orang penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei yang lulus pada tahun 1964.

Majlis Menyampaikan Sijil itu akan di-adakan di-Dewan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-Bandar Brunei pada 11 Disember, 1965 mulai jam 7 malam.

Duli Yang Maha Mulia juga akan bertitah di-majlis tersebut.

Sa-belum itu, ucapan2 akan di-lafadzkan oleh Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei, Awang Othman bin Bidin; Wakil Penuntut2 M. P. M. B. Tahun 1965; Pegawai Pelajaran Negara, Awang Malcolm MacInnes dan oleh Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Awang Lokan bin Uking.

Sa-lepas Baginda menyampaikan Sijil2, Do'a Selamat akan di-bacakan dan di-turuti dengan Jamuan Makan Berserak.

Kemudian penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei akan mempersembahkan "MALAM PERPISAHAN PENUNTUT".

Pepereksaan Menaip, Trengkas Dan Ilmu Menyimpan Kira-Kira

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan Menaip, Trengkas dan Ilmu Menyimpan Kira-Kira bagi hujung tahun 1965 yang di-anjarkan oleh Trengkas Melayu Institute (Malaya) dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei akan di-adakan seperti berikut: —

A. Trengkas Peringkat Tinggi, Menengah dan Permulaan.

12 Disember, 1965 mulai jam 2-00 petang bertempat di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

B. Menaip Peringkat Menengah dan Permulaan.

12 Disember, 1965 mulai jam 9-00 pagi bertempat di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

C. Ilmu Menyimpan Kira-Kira Permulaan.

12 Disember, 1965 mulai jam 9-00 pagi bertempat di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Chalun2 menaip hendak-lah membawa jentera taip masing2 ka-dalam bilek pepereksaan sa-tengah jam sa-belum pepereksaan di-jalankan.

Chalun2 Trengkas dan Ilmu Menyimpan Kira2 mesti-lah hadir di-bilek pepereksaan 15 minit sa-belum pepereksaan di-jalankan.

So'al-Jawab Di-Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei Dan Muara

BANDAR BRUNEI. — Pengiran Mohamed bin Pengiran Lahab, Wakil Kawasan Raja Muda, Brunei telah menyo'alkan 3 soalan mengenai harga barang2 di-Pasar Besar, Bandar Brunei dalam persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara pada 30 November, 1965.

So'alan2 itu dan jawapan2 Kerajaan terhadap-nya ada-lah seperti berikut: —

So'alan 1. Harga barang2 makan

saperti ikan, sayur dan lain2 yang ada berjualan di-Pasar Besar, Bandar Brunei tidak tetap harga pada tiap2 hari. Kadang2 ada kala harga-nya murah dan ada pula kala-nya mahal dari harga biasa. Adakah ini mengikut peratoran2 dari pihak yang berkuasa?

Jawapan 1. Tidak.

So'alan 2. Jika tidak, adakah Kerajaan menyedari dalam hal ini?

Jawapan 2. Hal ini ada-lah disedari oleh Kerajaan dengan sa-penoh-nya.

So'alan 3. Mengapakah Kerajaan tidak membuat peratoran2 dengan harga yang tetap?

Jawapan 3. Kerajaan sedang berikhtiar untuk mengatasi masalah ini.

Dunia Hari Ini

Mobutu Pengadil Krisis Di-Congo

DARI semenjak bulan May, apabila Moise Tshombe muncol sebagai tokoh politik yang menajuk, dalam pilihan raya parlemen seluruh negara Congo, Moise Tshombe dan President Joseph Kasavubu, telah terikat dalam perjuangan, untuk merebut kedudukan sebagai president di wilayah itu.

Di-sepanjang peristiwa itu, terdapat pula pihak ketiga dalam gelanggang krisis tersebut, iaitu Major General Joseph Mobutu, yang menjadi penglima tentera darat. Dia di-kenal oleh Congo sebagai raayat yang di-katakan paling kuat, dapat menjadi pengadil dalam pertikaian itu.

KASAVUBU DI-PECHAT

Minggu lepas, Joseph Mobutu secara mendadak telah menamatkan perselisihan, dan mengishtiharkan diri-nya sebagai pemenang, dan sebagai president baru bagi Congo.

Ketika Mobutu berjaya, dia telah memecat Kasavubu, dan membatalkan pilihan raya yang di-jadualkan, serta mengishtiharkan diri-nya sebagai ketua, yang akan memerintah selama lima tahun akan datang.

Gerakkan merampas kuasa itu, di-jalankan tanpa menumpahkan darah. Tidak sa-buah kereta kebal pun di-gunakan, dan tidak sa-orang pun di-tembak atau di-berkas. Begitu juga tidak ada rondaan khas di-jalankan untuk memelihara keamanan dan ketenteraman di-wilayah itu.

Apa yang di-lakukan oleh Mobutu ia-lah hanya dengan mementahkan station radio kerajaan di-Leopoldville, supaya menyiarkan pemashoran-nya itu, kemu-

dian mengutuskan perwakilan-nya terdiri dari pegawai2 staff, ka-Istana President meminta Kasavubu, supaya bersedia membungkus, dan di-ikuti pula dengan sapuchok surat kapada-nya, kerana menawarkan Kasavubu tetap dalam dewan Senate Congo.

Mobutu pernah menyatakan, perlumbaan atau perjuangan untuk menduduki kerusi pemerintahan sudah pun tammat. Mobutu menda'awa, perjuangan

oleh Hanafi Joffri

merebut kuasa, yang mula2-nya di-lakukan oleh tokoh2 politik Congo sendiri itu, telah di-buat tanpa meletakkan pertimbangan seponoh untuk kebajikan raayat Congo.

Dengan kemenangan-nya itu, Mobutu menegaskan usaha membankruptkan politik Congo sudah pun selesai, dan sekarang raayat Congo akan mengubah dan menchuba menanam semangat yang benar2 berdisiplin, di-kalangan kerajaan.

RUNGING

Sebenarnya apa yang merundingkan Mobutu ia-lah haluan bahawa, yang di-hadapi oleh usaha menegakkan negara. Dengan ini ketua polis negara Victor Nendaka telah bertindak, mengharamkan akhbar2 anti-Kasavubu, dan melipat gandakan gerakan kempen membenchi yang nampak-nya akan membawa kapada penangkapan Tshombe.

Satu lagi yang memburokkan dulu ia-lah sikap Kasavubu yang chuba mendapatkan sokongan. Dia membuat hubungan semula dengan Congo Brazaville, yang mendapat pedomam dari Peking. Ketetapan Kasavubu ini telah

menjadikan perbualan, bahawa pemimpin Ghana Kwame Nkrumah berjanji akan mengusir askar upahan kulit putih, yang di-katakan menjadi tenaga utama kapada askar2 Congo pimpinan Mobutu.

Pukolan hebat telah mulai muncol awal minggu lepas, apabila Kasavubu menyusun tunjok perasaan, terdiri dari kaum belia gulungan sayap kiri. Mereka telah membakar bendera2 Belgium, berjalan berarak menuju ka-bandar raya Leopoldville dengan membawa chogan2 kata yang berbunyi Hidup Kasavubu dan Kwame Nkrumah. Mereka menuntut Tshombe di-adilkan oleh sepasokan penembak, dan mereka juga chuba merempoh masok ka-dewan parlemen Congo.

MOBUTU BERTINDAK

Akan bertindak itu pihak tentera telah memberkas ketua2 kumpulan rusohan. Mobutu kemudian-nya telah bertindak, kerana masa-nya telah tiba, apabila polis berkeputusan membebaskan perusoh2 itu.

Tindakan Mobutu, ia-lah dengan memanggil panglima2 tentera dari 14 kawasan ka-Leopoldville. Sidang yang berlangsung hingga lewat malam hari, telah memutuskan bahawa Kasavubu musti di-singkirkan dari kedudukan-nya.

Dalam memutuskan itu, Mobutu berkata ini bukan-lah satu gerakan merampas kuasa tentera, tetapi pihak tentera bertindak bagi memenohi tanggung jawab-nya terhadap bangsa dan negara Congo.

Bagaimana pun, menurut sateengah2 kalangan, rampasan kuasa atau tidak merampas kuasa itu ada-lah merupakan bagi kali yang kedua Mobutu telah membuat perchubaan seperti itu.

Ketika berusia 30 tahun, ia-itu lima tahun dulu, Mobutu telah bertindak mengechualikan Kasavubu dan Perdana Menteri Lumumba, dalam ketegangan antara kedua2 orang pemimpin itu. Ini di-lakukan-nya atas nama kumpulan pesuruhjaya di-Congo. Tetapi malang-nya, pihak tentera yang di-pimpin-nya, tidak memberikan sokongan seponoh yang menyebabkan dia terpaksa bersara.

Kemudian adakah Mobutu kali ini, akan kekal dalam tindakan-nya menggulingkan Kasavubu, ini-lah satu2-nya yang menjadi soal utama.

KEDUDOKKAN YANG SAMAR2

Dari New York di-ramalkan, bahawa kedudukan Mobutu kali ini juga tidak akan kekal selama2-nya, walau pun pada mula-nya jelas dia berhasil dan mendapat sokongan dari

pehak tentera yang di-pimpin-nya. Mobutu juga mengishtiharkan bahawa cabinet Kasavubu akan digantikan dengan awam, termasuk sa-orang menteri yang di-amil dari tiap2 21 buah daerah di-Congo dan Leopoldville.

Untuk memimpin ini, Mobutu telah memanggil Colonel Leonard Mulamba, yang menerima latehan di-Belgium. Mulamba di-sifatkan sebagai pegawai Congo yang berkebolehan. Nama-nya harum sa-telah menjalankan tugas sebagai governor tentera di-Timur Laut Congo.

Sekarang Mulamba sudah pun memberikan daya usaha-nya yang di-perlukan oleh Mobutu, dengan memanggil perwakilan dari setiap daerah di-Congo, dan memberikan sa-tiap perwakilan itu, setengah jam untuk mengemukakan senarai chalon menteri bagi pemilihan dalam cabinet.

Satu lagi perkara, bahawa gerakan merampas kuasa Mobutu itu telah menimbulkan kemarahan kapada gulungan sayap kiri Afrika dan China Kominis, tetapi pelek-nya tidak sa-orang pun di-dalam wilayah Congo yang ada sekarang ini, nampak-nya berasa hemas atau bimbang.

SOKONGAN

Sekarang Kasavubu sudah pun menerima kedudukan-nya dalam dewan Senate, dalam lain2 perkataan Kasavubu maseh mahu lagi duduk di-dalam dewan negara, dengan kerusi-nya yang tetap.

Nendaka, telah mengutuskan ucapan tahniah kapada Mobutu, sementara Moise Tshombe pula menyebut, bahawa kajian yang lebih teliti akan di-buat, dan parti-nya menisfatkan langkah Mobutu itu sebagai satu tindakan kepahlawanan.

Begitu juga dari beberapa orang pemimpin yang lain, seperti Kimba, yang di-harapkan2 menjadi Perdana Menteri kapada Kasavubu dulu, memberikan tahniah kapada langkah Mobutu itu.

Kapada Kimba, pergolakan tanpa menumpahkan darah itu, juga tidak semesti-nya mengejutkan beliau, kerana terdapat banyak lagi peristiwa sebelum-nya di-Congo.

Memandang kapada itu semua, nampak-nya Mobutu jelas mendapat sokongan yang agak kuat, tetapi adakah tindakan Mobutu itu, akan kekal dan dapatkah Mobutu memimpin Congo buat selama lima tahun akan datang, bergantong-lah kapada perkembangan yang akan di-hadapi nanti oleh Congo itu.

PERSIDANGAN

M.M.D. TEMBURONG

BANGAR. — Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Temburong akan di-adakan pada pagi hari Sabtu 11 Disember, 1965 bertempat di-Klub Temburong.

BALEK DARI ENGLAND

BERAKAS. — Inspektor Zakaria bin Ibrahim dari Pasokan Pulis Diraja Brunei telah balek ka-Brunei dari England baru2 ini sa-lepas berlateh di-Maktab Latehan Pulis Hendon berdekatan London.

MALAM ANEKA WARNA S. M. MUHAMMAD ALAM

SERIA. — Malam Aneka Warna, Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria dan Pasar Gembira Pengakap2 dan Pandu2 Puteri S. M. Muhammad Alam akan di-adakan di-pekarangan sekolah itu pada malam 10 dan 11 Disember, 1965.



General Mobutu kiri, yang satu ketika dulu pernah menjadi askar Payong Congo, sedang di-kenalkan peralatan bahru oleh askar Payong British Sgt. Tony Charlton yang sejauh ini sudah membuat penerjunan sebanyak 720 kali.

PENULIS2 DI-SELUROH BRUNEI DI-JEMPUT MEMASOKI PERADUAN CHERPEN UNTUK BACHAAN KANAK2 ANJORAN D.B.P. BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Penulis2 dalam Negeri Brunei ada-lah di-pelawa untuk memasoki Peraduan Chermen Untuk Bachaan Kanak2. Syarat2 peraduan ada-lah saperti berikut: —

Peraduan ini terbuka kepada penulis2 dalam Negeri Brunei sahaja.

Chermen untuk peraduan ini mesti-lah sesuai untuk bachaan kanak2 yang berumur 6 tahun hingga 10 tahun.

Bahan2 chermen mesti-lah me-

rupakan chiptaan asli penulisnya sendiri dan belum pernah di-terbitkan melalui buku2 atau majallah2 atau di-siarkan melalui radio.

Panjang chermen mesti-lah di-antara 1,000 dan 1,500 perkataan.

Setiap chermen yang di-hantar untuk memasoki peraduan, hendak-lah di-sertakan dengan borang "PERADUAN CHERPEN KANAK2".

Chermen hendak-lah di-tulis di-

atas kertas keping ukuran biasa (kertas kajang) pada sa-belah muka sahaja.

Jika menggunakan mesin tulis (taip) buat-lah dengan jarak dua barisan ("double spacing") dan hendak-lah di-hantar sebanyak tiga salinan.

Peraduan chermen ini akan di-tutup pada 31 Januari. 1966.

Keputusan hakim dalam peraduan ini ada-lah mu'tamad dan sebarang bantahan tidak akan di-layani.

Borang dan keterangan lanjut mengenai peraduan chermen ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Hadih2 akan di-berikan kepada pemenang2 yang berjaya.

Chermen hendak-lah di-hantar kepada:

PERADUAN CHERPEN
BACHAAN KANAK2,
d/a Dewan Bahasa dan Pustaka,
Bandar Brunei, Brunei.

PERINGATAN:
Pegawai2 Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei tidak di-benarkan memasoki peraduan ini baik sechra langsung atau pun tidak langsung.

JAWATAN KOSONG:

Pegawai Istilah Perkamusan Dan Penyelidek Di-Jabatan D.B.P. Brunei

Pemohonan2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan kosong sebagai Pegawai Istilah, Perkamusan dan Penyelidek di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2:

(a) Pemohon2 hendak-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Persekolahan Menengah Atas atau yang sebanding dengan-nya.

(b) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam bahasa Melayu.

(c) Mempunyai pengetahuan yang luas terutama dalam selok belok bahasa Melayu dan Inggeris.

Gaji: — Dalam sukatan gaji C(b) 1 - 2 - 3 \$520 - 540 - 570x30 - 840.

Syarat2 Lantikan: — Kontrek selama 3 tahun termasuk-lah tempoh 6 bulan yang pertama sebagai dalam perchubaaan. Kontrek boleh di-baharui atas persetujuan bersama.

Baksis: — Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Disember, 1965.

Pengumuman Pejabat Pos

Tarikh yang terakhir bagi mengirinkan surat2 dengan kapal terbang untuk kegunaan Hari Raya Krismas dari Pejabat2 Pos di-Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait ka-beberapa buah negeri ada-lah sa-perti berikut: —

Australia (Kawasan Timor termasuk Tasmania dan Kawasan Barat) — 12 Disember. Burma — 14 Disember. Canada — 9 Disember. Ceylon — 14 Disember. Afrika Timor — 10 Disember.

Kaherah — 14 Disember. France — 11 Disember. Jerman — 12 Disember. Holland — 9 Disember. Hong Kong — 12 Disember. India — 11 Disember. Itali — 11 Disember.

Switzerland — 11 Disember. Pakistan Timor — 9 Disember. Pakistan Barat — 12 Disember. Philipina — 11 Disember. Thailand — 15 Disember. United Kingdom — 12 Disember dan Amerika Sharikat — 9 Disember.

JAWATAN KOSONG:

Pegawai Asrama Di-Jabatan Ugama

Pemohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berbak menjadi ra'ayat Sultan yang beragama Islam untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Pegawai Asrama ("Hostel Warden") di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Syarat2 Memohonkan:

- Umur di-antara 30 hingga 40 tahun.
- Lulus darjah V Sekolah Melayu.
- Mengetahui pekerjaan dan tugas2 Pegawai Asrama.
- Mengetahui ajaran2 Islam.
- Sekurang2-nya 2 tahun dalam perkhidmatan Kerajaan, dan bergaji bulan.

Gaji: — Dalam sukatan gaji \$400x20 - 620. Gaji permulaan bergantung pada pengetahuan.

Borang2 permohonan dapat di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Segala permohonan hendak-lah di-hantar kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei dan mereka yang sedang berkhidmat dengan Jabatan2 Kerajaan, hendak-lah melalui Ketua Jabatan mereka masing2.

Pemohonan2 hendak-lah sampai tidak lewat daripada 30 Disember, 1965 dan permohonan yang lewat di-terima dari tarikh ini tidak akan di-layan.

Cheramah Peraduan Chermen Untuk Bachaan Kanak2

Pencheramah: Pengarah D.B.P., Brunei.

Tempat : Dewan Kemasharakatan.

Tarikh : 10 Disember Mulai 9 pagi.

BANDAR BRUNEI. — Berhubung dengan "Peraduan Chermen Untuk Bachaan Kanak2" satu cheramah mengenai-nya akan di-berikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar pada 10 Disember, 1965 mulai jam 9-00 pagi bertempat di-Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei.

Dato Paduka Awang Haji Jamil akan membentangkan tentang:

- Tujuan Dewan Bahasa dan Pustaka menganjorkan Peraduan Chermen Untuk Bachaan Kanak2.
- Tema, bahasa dan teknik penulisan chermen yang di-khendaki, dan
- Pandangan umum tentang penulisan chermen.

Untuk menjayakan perkara di-atas Dewan Bahasa dan Pustaka dengan suka-chita mempersilakan penulis2 dan peminat chermen dalam negeri menghadziri cheramah yang tersebut di-atas.

LISEN2 KERETA

Semua lisen2 kereta akan berakhir pada 31 Disember, 1965. Ada-lah menjadi satu kesalahan memandu atau menggunakan kereta di-jalan raya sa-lepas tarikh tersebut jika lisen kereta itu tidak di-baharui bagi tahun 1966.

Semua kereta yang umur-nya lebih dari tiga tahun akan di-periksa terlebih dahulu sa-belum di-baharui lisen-nya.

Semua kereta2 taxi, bas, kereta membawa barang2 dan kereta2 perniagaan akan di-periksa terlebih dahulu sa-belum di-baharui lisen-nya.

Untuk memberi kemudahan kepada orang ramai membaharui lisen2 kereta, Pejabat Keinderaan Darat di-Bandar Brunei dan di-Kuala Belait akan mula melisen kereta2 bagi tahun 1966 mulai dari 1 Disember, 1965.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 8 Disember hingga ka-hari Selasa 14 Disember, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
	8	12-17	3-36	6-12	7-27	4-43	4-58	6-16
	9	12-18	3-37	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
	10	12-18	3-37	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
	11	12-18	3-37	6-14	7-29	4-44	4-59	6-17
	12	12-19	3-38	6-14	7-29	4-45	5-00	6-18
	13	12-19	3-38	6-15	7-30	4-46	5-01	6-19
	14	12-20	3-39	6-15	7-30	4-46	5-01	6-19

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



tempat orang penyanyi2 dalam gambar ini akan mewakili Daerah Belait dalam Pertandingan Akhir Bintang Radio Brunei Tahun 1966. Mereka telah di-pilih dalam Pertandingan Bintang Radio Brunei Daerah Belait yang telah di-langsungkan di-Dewan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin. Kuala Belait baru2 ini. *Dari kiri:* M. B. M. Mohamed — Johan Asli (Lelaki); S. Mahani — Johan Langgam (Wanita); Zainon Jamil — Johan Asli (Wanita) dan Mohamed Zain Otman — Johan Langgam (Lelaki).

Malam Serbanika
Persatuan 3 PM
Temburong

BANGAR. — Satu temasha MALAM SERBANIKA akan di-adakan pada 19 Disember. bertempat di-Padang Besar Pekan Bangar atas anjoran PERSATUAN PEMUDA PEMUDI MELAYU TEMBURONG (3 PM Temburong).

Tujuan bagi mengadakan malam tersebut ialah merayakan hari pembukaan resmi Persatuan sementara itu yang baru saja lulus pendaftaran-nya oleh pihak yang berkuasa.

PATAH HATI
TUMBANG HARAPAN

Dari itu demi menyambut hari dan saat yang bersejarah itu Persatuan 3 PM akan mempersembahkan berbagai acara antara lain tari2an, nyanyian dari Bintang2 Radio Daerah Tembung dan lawak jenaka.

Kemunchak Persembahan itu nanti akan di-serikan dengan sa-buah de-rama sa-babak berjodol "PATAH HATI TUMBANG HARAPAN" hasil karya Awang Hassan Ampuan Tahir yang juga akan di-arahkan oleh beliau sendiri. Barisan pelakon yang mengambil bahagian ini, ia-lah ter-di dari ninas2 baru.

Harapan persatuan ini ada-lah me-yeru kepada seluruh kaum Ibu dan bapa serta pemuda dan pemudi Daerah Tembung khusus-nya, dan orang-ramai 'am-nya yang mempu-nyai minat dan kehenderongan, da-tang-lah beramai2 sambil menyaksikan persembahan2.

jualan bunga juga akan diadakan. Dari itu menderma-lah kepada tabung derma persatuan yang kini sedang kosong menghendakkan bantuan daripada peminat-nya. — Berita kiriman Awane Mohd. Yussof b. Haji Mesir, Setia Usaha Agong, Persatuan 3 PM Temburong.

Pembukaan Rasmi Pertubuhan Pengakap Dan Pandu Puteri S. M. Sungai Liang

SUNGAI LIANG. — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah merasmikan Pertubuhan Pengakap dan Pandu Puteri Sekolah Melayu Sungai Liang, Belait pada hari Sabtu yang lalu.

Dalam ucapan beliau di-upacara merasmikan itu, Pengiran Momin telah menyampaikan ucapan tahniah beliau kepada guru2 Sekolah Melayu Sungai Liang atas kegiatan dan kejayaan mereka menubuhkan Pasokan Pengakap dan Pandu Puteri di-sekolah tersebut.

Beliau juga berharap kepada pengakap2 dan pandu2 puteri pasokan yang baru sahaja ditubuhkan itu akan berjaya dalam lapangan gerakan yang mendedahkan kebajikan dan berfaedah kepada Mukim Sungai Liang khas-nya, Daerah Belait dan Negeri Brunei 'am-nya.

Pengiran Momin juga berseru kepada Pengakap2 dan Pandu2 Puteri supaya benar2 mengerjakan dan patoh kepada Ikrar Pengakap dan Pandu Puteri.

Beliu juga menaruh penoh
kejerchayaan bahawa Pertubohan
Pengakap dan Pandu Puteri ia-
lah pertubohan yang benar2 ber-
faedah kapada pemuda-pemudi
yang ingin berbakti kapada
negara-nya.

"Jika kita benar2 memahami akan tujuan2 dan maksud2 serta mengikut pengajaran pertubuhan tersebut" tegas Pengiran Momin "kita akan dapat hidup dalam aman damai, saling hormat menghormati dan tolong menolong di antara satu dengan lain".

Akhir-nya Pengiran Momin telah berseru kepada penduduk di-Mukim Sungai Liang supaya memberi perhatian dan memberikan bantuan serta kerjasama kepada pasukan Pengakap dan Pandu

Puteri yang baru di-tubuhkan
itu.

Sebelum Pertubohan Pengakap dan Pandu Puteri Sekolah Melayu Sungai Liang itu di-tubuhkan, Pengiran Momin telah menerima barisan kehormatan yang terdiri dari Pengakap dan Pandu Puteri Sekolah Melayu Sungai Liang dan Pasokan Ke-6 Pengakap Kuala Belait dan Pandu Puteri-nya.

Beliau juga seterusnya memeriksa barisan kehormatan.

Di-upachara itu juga pertunjukkan pertolongan chemas dan permainan telah di-tunjukkan oleh Pengakap2 dan Pandu2 Putri yang mengambil bahagian.

Tarikh Mulai

Berpuasa

BANDAR BRUNEI.—Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Uagama Brunei dengan kerjasama Jabatan Ukur Brunei akan melihat anak bulan Ramadan 1385 pada petang hari Khamis 23 Disember, 1965 untuk menentukan tarikh mulai berpuasa tahun hijrah 1385 bagi Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei.

Jika anak bulan Ramadhan kelihatan pada petang hari Khamis 23 Disember, 1965, maka permulaan Puasa akan jatuh pada hari Juma'at 24 Disember, 1965.

Jika anak bulan Ramadhan tidak kelihatan pada petang hari Khamis 23 Disember, 1965, maka Umam Islam di-seluruh Negeri Brunei akan berpuasa mulai pada hari Sabtu 25 Disember, 1965.

Turut hadir di-upachara merasmikan pertubohan tersebut, termasuklah Pesuruhjaya Pengakap Daerah Belait, Awang Abu Bakar Osman; Pesuruhjaya Pengelola Pengakap Negeri Brunei, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Ahmad; Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei, Awang Shahbuddin bin Saleh, Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Belait Awang Moksini bin Pengiran Damit dan lain2 lagi.

Sementara itu temasha penutup persekolahan akhir tahun 1965 bagi Sekolah Melayu Sungai Liang telah juga di-adakan selama tiga hari mulai pada 4 Disember hingga 6 Disember.

Sambutan Hari Jadi D.Y.M.M. Di-Mukim Labi

LABI. — Satu perayaan bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang ke-49 telah di-adakan di-Mukim Labi, Ulu Belait, pada 2 Disember yang lalu.

Perayaan tersebut di-adakan selama tiga hari ia-itu dari 2 Desember hingga 4 Desember.

Perayaan itu telah di-buka dengan resmi-nya oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar, di-akhiri dengan bacaan "Do'a Selamat" oleh Tuan Imam Ahmad bin Metassim.

Dalam ucapan beliau di-upacara pembukaan resmi perayaan tersebut Awang Abdullah majlis itu ia-lah murid2 sekolah di-Mukim Labi dan jemputan2 khas.

PERLAWANAN
TAREK KALAT

Dalam masa perayaan tersebut beberapa acara telah diadakan

Beliau juga menyeru kepada penduduk2 di-mukim tersebut supaya bersatu padu, bekerja sama dan bersafahaman antara satu sama lain.

Dengan ada-nya semangat ber-satu padu, bekerjasama dan ber-safahaman, tegas beliau, maka segala chita2 akan mudah sahaja tercapai.

Upachara pembukaan resmi itu telah di-adakan.

PERLAWANAN TAREK KALAT

Dalam masa perayaan tersebut beberapa acara telah di-adakan di-antara-nya ia-lah Perlawanan Tarek Kalat, Pasar Gembira, Aneka Warna, Peraduan Silat dan Kuntau, Peraduan Nyanyian, Perlawanan Bola Sepak, Peraduan Pakaian Beragam dan Ratu Kebava.

Pertunjukkan wayang gambar perchuma dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan Belait juga telah di-adakan.

KUPASAN BUKU SHA'ER RAKIS

DEWAN Bahasa dan Pustaka, Brunei akan menerbitkan dalam keluaran Siri Buku2 Sastera-nya, sa-buah buku yang bernama Sha'er Rakis. Sha'er ini di-karang dalam tahun 1845 oleh Almarhum Pengiran Shahbandar Md. Salleh ibnu Pengiran Sharmayuda, sa-orang pengarang yang terkenal pada zaman-nya.

Dato Paduka Awang Haji Mohd. Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei telah menyusun dan mengkaji sa-mula sha'er ini dari naskhah yang di-perchayai di-salin daripada naskhah asalnya oleh orang yang berkaitan keluarga dengan pengarang-nya.

Huraian dan kupasan pada tiap2 "Rakis" sha'er ini, di-analisa dan di-padankan dengan latar belakang sejarah Negeri Brunei, yang telah di-kumpul dan di-usahakan bertahun2 lama-nya sa-hingga menjadi sa-buah buku.

"Menurut cherita2 mulut dari orang tua2 dahulu hingga sekarang ini bahawa Sha'er Rakis ini ada-lah di-buatkan sa-bagai rujukan dalam mengandalkan pemerintahan Negeri Brunei pada masa Sultan Abdul Momin, terutama dalam pentadbiran dan hal2 persekolahan pada masa itu. Dan suatu hal yang tidak dapat di-sangkal, betapa sambutan dan minat para pembacha pada zaman itu terhadap sha'er ini sa-hingga di-bacha sa-bagai "lagu tambang" pada masa mengadakan "malam berjaga2" menjelang hari perkahwinan di-langsungkan" — kata Dato Paduka Awang Haji Mohd. Jamil, ketika menjawab pertanyaan yang di-hadapkan mengenai buku tersebut.

Dua rangkap sha'er dalam Sha'er Rakis yang menarik perhatian umum di-Negeri Brunei ia-lah mengenai pandangan pengarang-nya pada masa itu terhadap suasana politik Negeri Brunei. Rangkapkan sha'er itu berbunyi: —

*Pulau Labuan di-pinta segera
Tempat menaikan tiang bendera
Di-sana-lah tempat berkira2
Dari Labuan ka-Singapura,
Dagang terchengang mendengar titah
Hati di-dalam sangat gelabah
Labuan itu bukan-nya mudah
Alamat negeri di-bawah perentah.*

BIDANG2 FALSAFAH

Dalam bidang2 falsafah dan pentadbiran, Almarhum juga menchatetkan dalam sha'er-nya untok pengajaran kepada orang2 Brunei pada masa itu; antara-nya ia-lah:

*Bijak itu ikhtiar-nya chukup
Lanjar dan singkat pandai mengikut
Benar dan salah tiada-lah takut
Asal mendapat jalan yang patut.*

*Bijak itu ikhtiar-nya chukup
Lanjar dan singkat pandai mengikut
Benar dan salah tiada-lah takut
Asal mendapat jalan yang patut*

oleh Mohd. Ali Tamin
-Pengarang D.B.P.
Brunei



Awang Mohamed Ali Tamin

*Dengarkan ibarat dagang yang bodoh
Harapkan ampun bersunggo2
Empat perkara jalan-nya tegoh
Boleh menjadi pekerjaan kokoh.
Pertama kadzi yang bijaksana
Kedua doktor yang arifsana
Ketiga laskar pilehan semporna
Ke-empat saudagar aristeruna.*

Keseluruhan isi Buku Sha'er Rakis itu, sa-lain dari huraian dan kupasan tiap2 "Rakis" yang terkandung dalam buku itu, ia-lah:

- * Riwayat hidup pengarang-nya — Almarhum Pengiran Shahbandar Md. Salleh ibnu Pengiran Sharmayuda;
- * Selasilah orang2 yang ada hubungan-nya dengan pengarang-nya;
- * Surat perjanjian penyerahan

Sarawak kepada James Brooke; dan

- * Gambar2 yang menunjukkan makam Almarhum, dalam kawasan perkuboran orang2 Islam di-Kianggeh.

Memandang isi-nya yang penoh dengan falsafah2 hidup, pengajaran dan tatasusila negara — menurut zaman pengarang-nya — maka sudah wajar Sha'er Rakis ini patut di-bacha dan di-punyai oleh semua golongan masyarakat. Semoga dengan demikian, kita akan dapat mengetahui dan mengukir chara berfikir pengarang-nya mengenai tinjauan terhadap masa depan Negeri Brunei.

Kupasan2 Dato Paduka Awang Haji Md. Jamil ada-lah meno-

long memudahkan dan menyingkap apa yang sa-benar-nya dimaksudkan oleh pengarang sha'er itu. Dan sa-sunggo2-nya buku ini ada-lah satu buku yang bernilai sa-bagai sastera bangsa yang maseh terpendam, dan akan di-keluarkan dengan bentuk baharu dalam udara baru mengikut zaman yang serba moden ini; tetapi dalam pada itu "gading mana yang tidak retak".

Buku ini maseh dalam perchetakan di-Perchetakan Bintang Bandar Brunei; mengandongi 36 muka dengan bentuk ukuran 7½"x10", kertas-nya baik, harga sa-naskhah \$2.00 sahaja. Di-jangka akan terbit dalam bulan Disember ini.

Gunakan-lah

Bahasa

Melagu

Bahasa

Perpaduan

Kebangsaan

Murid2 Sekolah Melayu Sungai Liang kelihatan mempersembahkan Tarian Zapin di-temasha Sambutan Penutup Persekolahan Akhir Tahun 1965 sekolah itu pada malam Ahad yang lalu.



Sokan Dan Olah Raga Sekolah2 Dan Maktab2

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Bola Sepak antara Maktab2 dan Sekolah2 Menengah atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei yang telah di-jalankan baru2 ini ada-lah seperti berikut:

(i) Pada 22 November, 1965: Perlawanan sa-tengah akhir antara Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei dengan Pasokan Maktab S.O.A.S., bertempat di-padang Sekolah Melayu S.M.J.A. Keputusan-nya Pasokan Maktab S.O.A.S. menang dengan 2 gol tidak berbalas.

(ii) Pada 28 November, 1965: Perlawanan Peringkat akhir antara Pasokan Maktab S.O.A.S. dengan Pasokan Maktab Anthony Abell Seria. Keputusan-nya Pasokan Maktab S.O.A.S. menang dengan 4 gol berbalas 1 gol.

Maka dengan keputusan perlawanan itu Pasokan Maktab S.O.A.S. menjadi Johan Bola Sepak antara Maktab2 dan Sekolah2 Menengah Negeri Brunei bagi tahun 1965 dan yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Md. Yusof bin P. Md. Limbang Penolong Menti Pos dan Kebajikan Masyarakat.

Hadiah Rebutan pada tiap2 tahun ia-itu Perisai Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Muhammad Alam, telah di-menangi oleh Pasokan Maktab S.O.A.S., Brunei.

BOLA JARING DAN

BOLA TAMPAR

Perlawanan Bola Jaring dan Bola Tampar antara Sekolah2 Melayu atas anjoran Jabatan Pelajaran Brunei yang telah di-jalankan baru2 ini ada-lah seperti berikut: —

BAHAGIAN BRUNEI I

Pada 23 November, 1965: Perlawanan Bola Jaring dan Bola Tampar di-jalankan serempak, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu S.M.J.A., Brunei.

KEPUTUSAN PERLAWANAN

(i) *Bola Jaring:* Perlawanan di-jalankan dengan chara kalah mati:

(a) Pasokan Sekolah Melayu Sungai Kebun berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A., Rendah. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. Rendah menang dengan 22 mata tidak berbalas.

(b) Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. Rendah berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu R.I.F. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A.

oleh Awang Md. Husain Zainal

Rendah menang dengan 6 mata berbalas 5 mata.

(c) Pasokan Sekolah Menengah S.M.J.A. berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. Rendah. Keputusan-nya Pasokan S.M.J.A. Menengah menang dengan 6 mata berbalas 3 mata.

Dengan keputusan perlawanan itu Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. Menengah menjadi wakil sekolah2 Melayu Bahagian Bandar Brunei ka-Perlawanan Peringkat Negeri.

(ii) *Bola Tampar:* Perlawanan di-jalankan dengan chara pukul keliling:

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. Menengah mendapat 4 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai mendapat 2 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. Rendah - 0.

Maka dengan keputusan perlawanan itu Pasokan S.M.J.A. Menengah telah menjadi wakil Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I ka-Perlawanan Peringkat Negeri.

BAHAGIAN II

KUMPULAN SEKOLAH2

JALAN TUTONG

(i) Pada 23 November, 1965: Perlawanan Bola Jaring telah di-adakan bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas. Perlawanan di-jalankan dengan chara kalah mati.

KEPUTUSAN PERLAWANAN

(a) Pasokan Sekolah Melayu Kilanas berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Katimahir. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Kilanas menang dengan 15 mata tidak berbalas.

(b) Pasokan Sekolah Melayu Sengkurong berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Bunut. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Bunut menang dengan 22 mata berbalas 1 mata.

(c) Pasokan Sekolah Melayu Kilanas berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Gadong. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Kilanas menang dengan 6 mata berbalas 3 mata.

(d) Pasokan Sekolah Melayu Bunut berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Kilanas. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Bunut menang dengan 18 mata berbalas 1 mata.

Dengan keputusan perlawanan

itu, Pasokan Sekolah Melayu Bunut menjadi wakil Sekolah2 Melayu Jalan Tutong ka-Perlawanan Akhir Bahagian Brunei II.

(ii) Pada 24 November, 1965: Perlawanan Bola Tampar telah di-adakan bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Bunut. Perlawanan di-jalankan dengan chara kalah mati:

KEPUTUSAN PERLAWANAN

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu, Bunut.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Kilanas.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Gadong.

KUMPULAN JALAN MUARA

Pada 24 November, 1965: Perlawanan Bola Jaring dan Bola Tampar telah di-jalankan serempak, bertempat di-gelanggang Maktab Perguruan Melayu Brunei.

(i) *Bola Jaring:* Perlawanan di-jalankan dengan chara kalah mati:

KEPUTUSAN PERLAWANAN

(a) Pasokan Sekolah Melayu Burong Pingai, Berakas berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Sg. Hanching. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Burong Pingai menang dengan 21 mata tidak berbalas.

(b) Pasokan Sekolah Melayu S.U.A.S. Muara berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Anggererk Desa. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu S.U.A.S. Muara menang dengan 11 mata berbalas 6 mata.

(c) Pasokan Sekolah Melayu Burong Pingai, Berakas berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Delima I. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Burong Pingai Berakas menang dengan 12 mata berbalas 2 mata.

(d) Pasokan Sekolah Melayu S.U.A.S. Muara berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Burong Pingai Berakas. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Burong Pingai, Berakas menang dengan 9 mata berbalas 8 mata.

Dengan keputusan perlawanan itu Pasokan Sekolah Melayu Burong Pingai Berakas menjadi wakil Sekolah2 Jalan Muara ka-Perlawanan Akhir Bahagian Brunei II.

(ii) *Bola Tampar:* Perlawanan di-jalankan dengan chara pukul keliling:

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Delima I mendapat 4 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah

Melayu S.U.A.S. Muara mendapat 2 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Sg. Hanching - 0.

Pada 27 November, 1965: Perlawanan akhir Bola Jaring dan Bola Tampar Bahagian Brunei II, telah di-jalankan serempak bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu S.M.J.A.: Pasokan yang bermain ia-lah: —

(a) *Bola Jaring:* Antara Johan Jalan Tutong, Pasokan Sekolah Melayu Bunut berlawan dengan Johan Jalan Muara, Pasokan Sekolah Melayu Burong Pingai Berakas. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Bunut menang dengan 7 mata berbalas 3 mata.

Maka dengan keputusan perlawanan itu Pasokan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut menjadi wakil sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II ka-Perlawanan Peringkat Negeri.

(b) *Bola Tampar:* Antara Johan Jalan Tutong, Pasokan Sekolah Melayu Bunut dengan Johan Jalan Muara, Pasokan Sekolah Melayu Delima I. Keputusan-nya Sekolah Melayu Delima I menang dalam dua pusingan sahaja.

Dengan keputusan perlawanan itu Pasokan Sekolah Melayu Delima I menjadi wakil Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II ka-Perlawanan Peringkat Negeri.

BAHAGIAN TEMBURONG

Pada 25 November 1965: Perlawanan Bola Jaring di-jalankan dengan chara pukul keliling, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar.

(a) Pasokan Sekolah Melayu Bokok berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Puni. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Puni menang dengan 16 mata berbalas 3 mata.

(b) Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar, berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Puni. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar menang dengan 29 mata berbalas 2 mata.

(c) Pasokan Sekolah Melayu Bokok berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar menang dengan 20 mata berbalas 1 mata.

Dengan keputusan perlawanan itu Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar menjadi wakil Sekolah2 Melayu Temburong ka-Perlawanan Peringkat Negeri.

BAHAGIAN BRUNEI III

Pada 27 November, 1965: Perlawanan Bola Jaring telah di-jalankan dengan chara kalah mati, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu SMJA.

(a) Pasokan Sekolah Melayu Pangkalan Batu berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Puduk. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Puduk menang dengan 4 mata tidak berbalas.

(b) Pasokan Sekolah Melayu Puduk berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Pulau Berbunut di-gelanggang Sekolah Melayu SMJA pada petang 29 November. Sekolah Melayu Puduk menang dengan 9 mata berbalas 1 mata.

Banjir Besar Musim Tengkujuh Berlaku Di-Pantai Timor Malaya: Kira2 130.000 Orang Terancham

KUALA LUMPUR. — Banjir besar musim tengkujuh telah berlaku di-kawasan2 Pantai Timor Malaya, akibat hujan lebat yang turun tidak berhenti2 selama tujuh hari dan tujuh malam pada minggu lalu dengan menyebabkan kira2 130.000 orang yang tinggal berhampiran dengan sungai2 dan tepi2 laut di-Kelantan dan Trengganu terancham.

Menurut laporan dalam akhbar *Utusan Melayu* berpuluh2 batang jalan raya di-Kuala Trengganu telah di-naiki ayer hingga ka-tiga puluh kaki dan perhubungan jalan raya dari Kuala Trengganu ka-Kota Bharu telah putus.

Kerajaan Trengganu telah membentok sa-buah Jawatan Kuasa Bantuan Mangsa Banjir dengan peruntukan yang tidak di-hadkan dan terpaksa bertugas selama dua puluh empat jam sa-hari.

Sementara itu menurut akhbar *Berita Harian* beribu2 orang penduduk di-sapanjang Sungai Kelantan dan Sungai Trengganu yang terancham oleh banjir itu telah di-pindahkan ka-kawasan2 tinggi.

AYER SUNGAI

MENINGKAT KA-76 KAKI

Ayer Sungai Kelantan di-Tangga Bradley, Kuala Krai telah meningkat naik sa-hingga 72 kaki pada pagi hari Khamis yang lalu dan hingga ka-lewat petang hari tersebut ayer di-sungai itu naik hingga 76 kaki.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Kelantan telah mengeluarkan bantuan untuk mangsa banjir itu.

Jabatan Kerja Raya Kelantan telah di-arahkan supaya meletupkan beberapa buah Kuala Sungai untuk menahan ayer daripada membanjiri masuk ka-bandar Kota Bharu dan Pekan2 lain.

D. Y. M. M.

SULTAN KELANTAN MENGURNIAKAN WANG

Menurut laporan akhbar *The Straits Times*, Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan telah berchemar Duli ka-Pasir Puteh pada petang hari Juma'at yang lalu.

Semasa keberangkatan D.Y.M.M. ka-Dewan Bandar, Pasir Puteh, Baginda telah mengurniakan wang sa-banyak \$500 kepada penduduk2 di-Pasir Puteh yang telah di-pindahkan dari kawasan2 yang berlaku banjir itu.


Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan kemudian telah melawat ka-kawasan banjir tersebut dalam motor boat dengan di-iringi oleh Setia Usaha Kerajaan Kelantan Dato Hashim bin Mohamed serta Ketua Pegawai Kesihatan dan Perubatan Negeri Kelantan, Dato (Doktor) Abdul Wahab Ariff.

PERLUMBAAN BASIKAL

BANDAR BRUNEI. — Perlumbaan Basikal bagi menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan di-langsungkan di-Jalan Ong Sum Ping, Kawasan Tongkadeh, Bandar Brunei pada jam 8-30 pagi hari Ahad 12 Disember, 1965.

Pengakap2 dari Sekolah Melayu Sungai Liang kelihatan dalam gambar ini semasa mereka menunjukkan Pertolongan Chemas di-majlis pembukaan rasmi Pertubuhan Pengakap dan Pandu Puteri sekolah itu pada hari Sabtu, 4 Disember, 1965.

Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Abdullah bin Haji Mohamed Ja'afar kelihatan dalam gambar ini semasa beliau hendak mengguntingkan peta bagi merasmikan pembukaan perayaan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan di-Mukim Labi, Ulu Belait pada hari Khamis 2 Disember, 1965.



TARIAN MENJUNJONG DULI



Awang Mas'ud Ka-Mekah

BANDAR BRUNEI. — Awang Mas'ud bin Awang Damit yang telah berjaya menyandang gelaran sebagai Johan Bahagian Lelaki dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Seluruh Negeri Brunei bagi Tahun Hijrah 1384 akan menunaikan fardhu Haji atas perbelanjaan Kerajaan Brunei. Beliau akan berangkat ka-Jeddah dengan kapal terbang tidak berapa lama lagi.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa peserta yang menjadi Johan Bahagian Lelaki dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Seluruh Negeri Brunei bagi Tahun Hijrah 1385 akan juga di-berikan tambang perchuma untuk menunaikan fardhu Haji atas perbelanjaan Kerajaan Brunei.

Tarian Menjunjong Duli — Demikian-lah nama tarian dalam gambar ini yang di-persembahkan oleh Murid2 perempuan Sekolah Melayu Rampayoh di-temasha Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan D.Y. M.M. pada hari Khamis yang lalu.

MENGHADHIRI PERSIDANGAN E.C.A.F.E.

BERAKAS. — Pengawal Kastam dan Bea Negeri Brunei, Awang Othman Chua Kwang Soon; Awang Zakaria bin Haji Sulaiman dari Jabatan Setia Usaha Kerajaan Brunei dan Dato Doktor J. S. Gould, Penasehat Ekonomi Pertubuhan Bangsa2 Bersatu kapada Kerajaan Brunei telah berlepas dari Brunei ka-Manila dengan kapal terbang pada hari Rabu yang lalu untuk menghadiri Persidangan Surohanjaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh (ECAFE) disana sa-bagai Wakil2 Kerajaan Brunei.

KOLERA BERLAKU DI-K.L.

KUALA LUMPUR. — Yayasan untuk Penyelidikan Perubatan di-Kuala Lumpur telah mendapati sa-orang India berumur 55 tahun mengidap penyakit KOLERA.

Kuala Lumpur telah di-ishtiharkan sa-bagai kawasan yang di-hinggapi oleh penyakit kolera pada hari Khamis 2 Disember, 1965.

Semua orang yang tinggal di-Kuala Lumpur atau pun yang datang dari lain2 tempat ka-Kuala Lumpur di-nasehatkan bersuntik, kalau mereka belum-lah membuat sa-demikian.

MALAM PERPISAHAN PENUNTUT2 M.P.M.B.

BERAKAS. — Sa-buah Tablo berjudul "Pelajar", ia-itu hasil karya H. M. Zain dan Yahya M. S. akan di-persembahkan di-temasha "Malam Perpisahan Penuntut2" Maktab Perguruan Melayu Brunei di-Dewan Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada malam 11 Disember, 1965. Tablo itu akan di-arahkan bersama oleh A. S. Suhaimi dan A. Ghafar Salim. Di-antara lain2 achara yang akan di-persembahkan di-temasha tersebut ialah Tarian2, Nyanyian2, Lawak Jenaka dan Persembahan2 dari Pasokan Kadet M.P.M.B.

PESTARAMA RADIO BRUNEI

SUNGAI LIANG. — Bahagian Melayu Radio Brunei telah mempersembahkan berbagai2 achara dalam ruangan "PESTARAMA" di-temasha Penutup Sekolah Akhbar Tahun 1965. Sekolah Melayu Sungai Liang bertempat di-Dewan Sekolah itu pada malam Ahad yang lalu. Pestarama itu di-iringi oleh Pancharagam Pancha Kirana dari Kuala Belait di-bawah pimpinan Bujang Johari. Penyanyi2 yang mengambil bahagian ia-lah keluarga Sekawan Bintang dari Daerah Belait. Rombongan Pestarama tersebut di-ketuai oleh Abdul Wahab Mohamed.

KURSUS HAJI

KUALA BELAIT. — Kursus Haji untuk umat Islam dari Daerah Belait yang akan menunaikan fardhu Haji pada tahun hadapan akan di-adakan di-Masjid Mohamed Jemalul Alam, Kuala Belait pada hari Khamis 9 Disember, 1965 mulai jam 10 pagi.

